

**ISU-ISU ALAM SEKITAR DI MALAYSIA MENURUT PANDANGAN  
PAKAR: SATU ANALISIS PERBANDINGAN BERDASARKAN  
TAFSIR AL-MISBAH**  
**(ENVIRONMENTAL ISSUES IN MALAYSIA FROM THE EXPERT  
PERSPECTIVE: A COMPARATIVE ANALYSIS BASED ON TAFSIR AL-  
MISBAH)**

'IMAADUDDIN ABDUL HALIM

Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang,  
Permatang Pauh, Malaysia

imaaduddin@uitm.edu.my

**ABSTRAK**

Kewujudan pelbagai isu alam sekitar di Malaysia sejak kebelakangan ini telah menarik minat pelbagai pihak. Isu-isu ini melibatkan pelbagai sudut dan aspek dalam lingkungan alam sekitar termasuklah dari segi pencemaran, pengeksploitasi sumber alam sehingga kepada sikap masyarakat sendiri. Jika direnungi sedalam-dalamnya, isu-isu ini berpunca daripada perlakuan manusia itu sendiri terhadap alam sekeliling. Tambahan pula pada zaman teknologi ini, terdapat permintaan yang semakin tinggi terhadap sumber-sumber alam untuk digunakan dalam pelbagai perkara dan benda. Ini secara tidak langsung membawa masalah tekanan terhadap keupayaan bumi untuk membekalkan sumber-sumber kepada permintaan-permintaan ini. Itu belum lagi termasuk dengan pengeksploitasi manusia secara tamak dan rakus terhadap sumber bahan-bahan mentah bumi. Kesannya, maka wujudlah pelbagai isu yang berkaitan dengan alam sekitar samada di tanah, air dan udara. Kesan daripadanya juga melahirkan pelbagai masalah seperti bencana alam, kerosakan ekosistem bumi malahan memberi mudarat kepada kesihatan manusia itu sendiri. Dari perspektif Islam dengan menjadikan al-Quran sebagai rujukan, ia mampu menjadi alternatif dalam mengelak daripada berlakunya kemusnahan alam sekitar ini jika seseorang itu tahu amanah atau tanggungjawab sebagai khalifah dibumi ini. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh pakar-pakar berkaitan serta membandingkannya dengan M. Quraish Shihab dalam Tafsir al-Misbah. Berdasarkan kaedah analisis kandungan dan temu bual tidak berstruktur, artikel ini akan menjawab persoalan-persoalan tersebut. Dapatkan perbincangan menunjukkan pandangan-pandangan dikemukakan oleh pakar-pakar tersebut adalah selari pentafsiran ayat al-Quran dalam tafsir al-Misbah.

*Kata Kunci:* Pandangan Pakar, Perbandingan, Tafsir al-Misbah

**ABSTRACT**

Recently, there are various environmental issues in Malaysia that attract interests to many parties. These issues involved various aspects of environmental including pollution, exploitation of natural resources and attitude of the people themselves. To sum it up, these issues stem from the human behaviour itself. With the development of advanced technology, there are many requests to use these natural resources to produce various equipments and things. Exploitation of greedy people also has worsen this environmental issues. As a result, there are many consequences and effects whether in land, water and air. Accordingly, this

problem also causes many problems such as natural disasters, damage the earth's ecosystem and human health. From the perspective of Islam which Qur'an as an absolute reference, the guidance is able to avoid the destruction of this environment if everybody knows their responsibility and trust as caliph on this earth. The main objective of this article to analyze the experts' views and compare them to M. Quraish Shihab in *Tafsir al-Misbah*. Based on the content analysis methodology and the unstructured interview, the findings show that the experts' views are in line with the *tafsir al-Misbah*.

*Keywords:* Expert Perspective, Comparison, *Tafsir al-Misbah*

## **1. Pendahuluan**

Kebelakangan ini terdapat isu-isu alam sekitar yang semakin serius wujud hasil daripada berlakunya penggunaan dan eksloitasi sumber alam yang tidak terurus. Kesan daripada eksloitasi ini telah menyebabkan berlaku pencemaran alam sekitar dan ini boleh dirasai apabila pada pertengahan tahun 2010 terjadi pertambahan suhu dunia secara mendadak kerana penipisan lapisan ozon bumi. Peningkatan suhu dunia ini telah meningkat sebanyak dua darjah dan telah menyebabkan banyak negara mengalami kepanasan yang melampau dan ia juga turut dirasai oleh Malaysia (Ishak Jaino, 2010).

Istilah alam sekitar secara khususnya adalah merujuk kepada fenomena fizikal. Fenomena fizikal ini termasuklah juga fenomena yang berkait dengan iklim dan cuaca (Mohd Zuhdi Marsuki et.al, 2002). Istilah alam sekitar dalam bahasa Arab dikenali sebagai *al-biah* yang bermaksud lingkungan, persekitaran atau keliling (Mohd Khairi Zainuddin & et.al, 2007). Istilah *al-biah* menurut *Lisan al-Arab* bermaksud rumah sesuatu kaum yang terletak di suatu lembah. Selain itu ia juga boleh diertikan kelembutan sesuatu tempat kerana persekitaran yang elok (Ibn Manzur, t.t). Persekitaran juga boleh didefinisikan sebagai lingkungan hidup manusia. Lingkungan ini terhasil melalui nilai-nilai kehidupan yang mempunyai sumber-sumber untuk kehidupan seperti makanan, pakaian, perubatan dan juga tempat tinggal. Seterusnya terdapat interaksi dan hubungan sesama manusia dalam lingkungan ini (Yunus Ibrahim Ahmad Muzid, 2009).

Berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling Malaysia, alam sekitar atau persekitaran bermaksud , faktor-faktor fizikal yang mengelilingi kehidupan manusia. Ia termasuk tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor-faktor biologi dan juga fakta-fakta sosial. Alam sekitar juga boleh didefinisikan sebagai ekosfera yang mengandungi ekosistem-ekosistem yang saling berinteraksi. Ekosistem pula terdiri daripada faktor-faktor biologi yang saling bergantung sesama sendiri, iaitu di antara faktor-faktor biologi dengan faktor-faktor fizikal (Norhibah Hasan Zawawi, 1999).

Perbincangan mengenai alam sekitar banyak dibincangkan sama ada melalui media massa dan juga media cetak. Selain itu, terdapat pelbagai perbahasan dan perbincangan mengenai alam sekitar melewati pelbagai perspektif yang merangkumi aspek teoritikal dan juga praktikal. Ini termasuklah aspek penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar. Namun begitu, jika dilihat kembali, kebanyakan langkah-langkah penjagaan alam sekitar tidak dikaitkan bersama hubungan manusia dengan pencipta-Nya. Kempen-kempen yang dilaksanakan tidak dikaitkan dengan landasan agama yang menekankan tiga aspek penting iaitu hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Dalam mengaplikasikan kehidupan sebagai seorang muslim, ketiga-tiga hubungan ini perlu diwujudkan dan dipelihara agar tidak terpesong daripada tujuan penciptaan manusia itu.

Menurut Mawil Izzi Dien (2000) dalam membahaskan konsep alam sekitar dalam al-

Quran, beliau menghuraikan bahawa alam sekitar merujuk kepada perkataan *ma'ayish* (tinggal). Istilah ini merujuk kepada persekitaran yang menjadi tempat tinggal yang mempunyai makanan dan mempunyai binatang serta tumbuh-tumbuhan. Ketiga-tiga elemen ini saling bersangkut paut dan saling mempunyai perkaitan dalam kehidupan. Beliau juga menerangkan bahawa Allah mencipta alam sekitar atau bumi ini untuk manusia bersyukur kepada Allah SWT. Hal ini membuktikan bahawa kepentingan alam sekitar kepada manusia khususnya dan juga kepada makhluk-makhluk ciptaan Allah yang lain. Secara tidak langsung ia dapat melestarikan tamadun manusia.

## 2. Sorotan Karya

Berdasarkan kepada sorotan yang dijalankan, terdapat enam kajian lepas ditemui mengenai perspektif alam sekitar. Kajian-kajian ini telah membincangkan pelbagai aspek yang terdapat dalam al-Quran.

Kajian Nor Aishah Abdullah (2007) membincangkan pandangan Islam terhadap pendekatan kontemporari dalam isu persekitaran. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan beberapa prinsip Islam terhadap alam dan juga untuk menghuraikan pendekatan kontemporari terhadap penjagaan alam sekitar melalui sudut sejarah. Kajian ini berpendapat usaha-usaha untuk menjaga alam ini perlu dilipat gandakan untuk menyelesaikan krisis-krisis alam sekitar ini. Selain itu, perbincangan juga melibatkan para pemikir yang terdiri daripada pelbagai bidang ilmu merangkumi ekonomi, sosial dan sebagainya. Seterusnya kajian ini juga turut membincangkan pandangan terhadap alam sekitar dari sudut falsafah dengan melihat pandangan-pandangan daripada para sarjana Muslim termasuklah Seyyed Hossein Nasr, Ziauddin Sardar dan S. Parvez Manzoor. Pandangan-pandangan mereka merangkumi sebab-sebab utama kemusnahan dan saranansaranan untuk menangani masalah-masalah alam sekitar. Kajian ini mampu memberi gambaran kepada masyarakat untuk bertindak dengan sewajarnya dalam memastikan kehidupan yang lebih sempurna dan sejahtera<sup>7</sup>. Dapat dirumuskan bahawa kajian ini membincangkan berkenaan pandangan Islam terhadap langkah-langkah penjagaan alam sekitar menurut Islam. Walaupun terdapat perbincangan yang berdasarkan pemikiran beberapa tokoh pemikir Islam, namun terdapat lompong yang boleh diisi untuk dilakukan kajian berkenaan penjagaan alam sekitar dengan melihat sudut perbahasan menurut ulama tafsir klasik dan ulama tafsir kontemporari.

Kajian Zahari Mahad Musa (2010) pula memfokuskan kepada *Fiqh al-Bi'ah* yang membincangkan prinsip interaksi manusia dengan alam persekitaran. Ini kerana *Fiqh al-Bi'ah* merupakan salah satu cabang yang terdapat dalam undang-undang Islam. Terdapat keperluan untuk menangani permasalahan alam sekitar ini dan *Fiqh al-Bi'ah* merupakan salah satu aspek yang dapat membantu untuk menangani permasalahan alam sekitar ini dengan menggalakkan pertumbuhan masyarakat dalam persekitaran yang lebih bersih dan terpelihara. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan prinsip-prinsip Syariah mengenai hubungan manusia dengan alam sekitar berdasarkan teks-teks perundangan Islam sama ada dari al- Quran mahupun al-Sunnah. Kajian ini juga memfokuskan kepada perbincangan peranan manusia terhadap alam sekitar. Selain itu, terdapat juga perbincangan berkenaan dengan fungsi akal fikiran yang mendorong manusia itu menjadi pentadbir alam dan bukan sebaliknya. Kajian *Fiqh al-Bi'ah* ini memperlihatkan tentang keindahan dan keistimewaan Islam dalam menangani isu-isu negatif alam sekitar<sup>8</sup>. Secara rumusannya, kajian ini membincangkan penjagaan alam sekitar dari perspektif Syariah namun tidak wujud

perbincangan dari perspektif tafsir al-Quran.

Kajian Noor Shakirah Mat Akhir (2004) memfokuskan kepada rohani manusia dan alam sekitar dari perspektif Islam. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggariskan beberapa elemen penting berkenaan dengan keperluan kesimbangan rohani manusia untuk menguruskan alam sekitar. Antaranya ialah seseorang itu harus menyedari tugasnya sebagai khalifah. Seterusnya, alam ini khususnya sumber-sumber asli merupakan salah satu rahmat buat manusia untuk manusia mengakui kewujudan dan keesaan Allah SWT. Rohani individu perlulah disertakan dengan keimanan dalam menguruskan alam ini. Dalam menguruskan alam sekitar, seseorang itu haruslah sentiasa melakukan *tazkiyah al-nafs* iaitu sentiasa menyucikan rohaninya daripada sifat *mazmumah* (sifat terkeji). Secara rumusannya, kajian ini memfokuskan kepada rohani manusia dan alam sekitar dari perspektif Islam namun tidak membincangkan isu-isu penjagaan alam sekitar menurut al-Quran.

Selain itu, kajian Abu Bakar Yang (2005) adalah berkenaan dengan pendidikan alam sekitar di Malaysia dari perspektif Islam. Dalam kajian ini, pengkaji telah menghuraikan beberapa perkara berkaitan dengan alam sekitar dari pandangan Islam. Antaranya termasuklah aktiviti menjaga alam sekitar ini merupakan salah satu ibadah kepada Allah SWT. Dalam konteks ini, ibadah ini mencakupi usaha-usaha seperti aktiviti pertanian, perindustrian, memperbaiki taraf hidup serta menghindarkan diri dan bumi daripada perkara-perkara yang boleh merosakkannya. Seterusnya, manusia itu merupakan khalifah yang perlu menjalankan amanah yang diberikan oleh Allah kepadanya. Kajian ini telah membincangkan berkenaan dengan pendidikan yang diterapkan oleh Islam dalam memelihara dan memulihara alam sekitar, namun tidak terdapat perbincangan berkenaan alam sekitar dari perspektif pemikiran tafsir moden dan klasik.

Kajian Noor Shakirah Mat Akhir (2007) bertajuk *Pembinaan Rangka Konsep Pemuliharaan Alam Sekitar Dari Perspektif Abu Hamid al-Ghazali*. Kajian ini membincangkan teori *al-Ghazali* berkenaan aspek kerohanian manusia dan kaitannya dengan pemuliharaan alam sekitar. Antaranya ialah kaitan dan kesan keimanan seseorang terhadap alam sekitar. Selain itu, penciptaan makhluk-makhluk lain juga merupakan pembuktian tentang kewujudan dan kekuasaan-Nya. Manusia yang mampu mengurus dan mematuhi kesedaran rohani terhadap alam ini merupakan manusia yang berpeluang mendapat ganjaran baik daripada Allah SWT. Selain itu, golongan ini tahu untuk menghargai dan mensyukuri nikmat daripada Allah. Teori *al-nafs* dan lain-lain aspek yang berkaitan dengannya oleh *al-Ghazali* adalah sangat relevan dan sesuai untuk digunakan dalam rangka kerja untuk memulihara alam sekitar jika ia diteliti dari aspek kerohanian. Kesimpulannya, kajian ini membincangkan teori *al-Ghazali* berkenaan aspek kerohanian manusia dan kaitannya dengan pemuliharaan alam sekitar tetapi tidak menghuraikan berkenaan isu-isu penjagaan alam sekitar menurut al-Quran secara khusus.

Artikel Noor Shakirah Mat Akhir dan Muhammad Azizan Sabjan (2011) pula membincangkan aspek spiritual dalam elemen-elemen alam sekitar yang disebut dalam kitab al-Quran. Walaupun artikel ini membincangkan aspek alam sekitar dan kaitannya dengan aspek spiritual dalam al-Quran, tetapi tidak dihuraikan perbincangannya dengan menyeluruh berdasarkan kitab-kitab tafsir.

Berdasarkan kepada perbincangan kajian-kajian lepas dan sorotan karya setakat ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa kajian mengenai ayat-ayat al-Quran yang berkaitan alam sekitar. Namun kajian secara khusus berkaitan ayat-ayat penjagaan alam sekitar menurut kitab tafsir al-Misbah belum lagi ditemukan.

## **2.1. Latar belakang tafsir al-misbah**

Dalam menganalisis ayat-ayat terpilih berkaitan penjagaan alam sekitar, kajian ini akan menggunakan tafsir al-Misbah yang dikarang oleh M. Quraish Shihab. Beliau merupakan tafsir yang diklasifikasikan sebagai tafsir moden.

*Tafsir al-Misbah* ini adalah tafsir yang lengkap kepada 30 Juzuk al-Quran. Tafsir ini mempunyai 15 jilid kesemuanya. Tafsir ini juga merujuk kepada beberapa kitab seperti *Tafsir al-Muntakhab* dan *Tafsir Fi Zilal al-Quran* dalam menghuraikan ayat-ayat al-Quran. Seterusnya kaedah tafsir ini ditulis menggunakan campuran *Tafsir bi al-Ma'thur* dan *Tafsir bi al-Ra'yi* tetapi tafsiran menggunakan akal juga dilihat agak meluas jika dibandingkan dengan *Tafsir bi al-Ma'thur*. Namun begitu, secara kesimpulannya, tafsir ini dikategorikan sebagai tafsir yang menggunakan kaedah tema atau *al-Mawdu'iyy*.

### **2.2. Latar belakang responden:**

Responden pertama ialah Dr. Mikdar bin Rusdi. Beliau merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Islam dan Sains Sosial, Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan, Universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor Darul Takzim. Beliau juga merupakan responden yang mewakili pakar dalam bidang akademik dan pengkhususannya ialah al-Quran dan alam sekitar.

Responden kedua mewakili pakar dalam badan bukan kerajaan atau NGO yang terlibat secara langsung berkaitan alam sekitar di Malaysia. Responden ini ialah Encik Shamsulery bin Samsudin. Beliau merupakan pegawai penyelidik lapangan Sahabat Alam Malaysia atau lebih dikenali sebagai SAM.

Encik Ismail bin Ithnin merupakan pengarah penguatkuasaan di Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Temu bual dengan beliau sebagai mewakili pakar dalam bidang penguatkuasaan berkaitan alam sekitar di Malaysia.

Dato' Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor merupakan Mufti Negeri Pulau Pinang. Beliau ialah responden yang keempat ditemu bual dan mewakili pandangan tokoh agama untuk kajian ini.

Encik Rosliezan bin Md Hussain ialah pengurus di Kilang Sawit Embara Budi. Kilang ini terletak di Felda Sahabat dalam daerah Lahad Datu, Sabah. Beliau berpengalaman dalam industri ini sudah 10 tahun.

Responden keenam ialah Datuk Shabudin bin Yahaya dan merupakan ahli parlimen di kawasan parlimen Tasek Gelugor. Beliau mewakili pakar dalam bidang politik untuk kajian ini.

### **3. Metodologi**

Kaedah penyelidikan dalam kajian ini dibahagikan kepada dua tahap. Tahap yang pertama ialah kaedah pengumpulan dan pemilihan data. Manakala tahap kedua ialah kaedah analisis dan perbincangan. Kaedah penyelidikan ini berbentuk kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian teks. Seterusnya untuk kaedah penganalisan data, kajian ini lebih berbentuk kualitatif. Penyelidikan kualitatif kerap didefinisikan sebagai kajian yang tidak melibatkan nombor atau statistik (John McLeod, 1997).

Menerusi penyelidikan kualitatif, pengkaji membuat penelitian secara langsung terhadap bahan kajian dan berusaha mendapat pemahaman yang mendalam mengenainya di samping menterjemah dan mentafsir kutipan data yang diperolehi (Noraini Mohd Salleh, 2001). Kajian ini akan menyelidik, memahami dan menghuraikan ayat-ayat penjagaan alam sekitar

yang terdapat dalam al-Quran.

### **3.1. Kaedah perpustakaan**

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Kaedah ini mengumpulkan data-data secara dokumentasi. Segala maklumat yang diperolehi digunakan terutamanya untuk menyokong, menambah dan memperdalam pengetahuan pengkaji agar kefahaman dari aspek teoritikal terhadap kajian yang dijalankan dapat dikuasai dengan baik. Termasuk dalam kaedah ini ialah aplikasi kaedah tafsir *al-mawdu'iy* dalam kajian ini. Kaedah perpustakaan ini bertujuan untuk mendapatkan data sekunder untuk kajian ini. Sumber-sumber untuk data ini boleh diperolehi melalui sumber-sumber ilmiah seperti tesis, disertasi, artikel jurnal, buku-buku dan kertas-kertas seminar serta laman sesawang.

### **3.2. Kaedah temu bual tidak berstruktur**

Kaedah temu bual tidak berstruktur ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan maklumat berkenaan isu-isu alam sekitar di Malaysia. Seramai 6 orang responden yang terlibat. Temu bual ini melibatkan responden yang mewakili bidang kepakaran masing-masing iaitu ahli akademik, ahli politik, pemain industri, tokoh agama, pegawai badan bukan kerajaan (NGO) dan pegawai jabatan alam sekitar (JAS).

### **3.3. Penganalisisan data**

Data yang diperolehi dari kajian perpustakaan dan hasil temu bual akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dalam kajian ini, analisis kandungan akan dilakukan melalui dua cara iaitu induktif dan deduktif:

#### i) Kaedah induktif.

Pendekatan atau kaedah induktif ialah satu proses yang logik untuk memberikan penjelasan yang umum berdasarkan pemerhatian yang spesifik. Dalam pendekatan induktif penyelidik bermula dengan satu set dapatan kajian atau hasil kajian dari sebuah penyelidikan dan berusaha untuk membangunkan satu penjelasan teoritikal daripada hasil tersebut (Sabitha Marican, 2005). Penganalisisan data melalui kaedah induktif merupakan proses mengumpul dan mentafsir data atau maklumat, kemudiannya selepas penafsiran data selesai, data ini akan disimpulkan. Kaedah analisis seumpama ini dilaksanakan terhadap data-data yang dikumpulkan berkenaan penafsiran ayat-ayat penjagaan alam sekitar dalam al-Quran.

#### ii) Kaedah deduktif.

Pendekatan atau kaedah deduktif pula menggunakan proses logik yang bermula dengan kesimpulan umum untuk menghasilkan yang khusus iaitu bermula dari persoalan yang umum kepada pernyataan yang khusus. Kaedah deduktif yang digunakan dalam kajian ini ialah untuk menganalisis data daripada dapatan data melalui sorotan perpustakaan yang akan dilakukan. Seterusnya data yang diperolehi melalui sorotan perpustakaan ini akan dianalisis secara teliti untuk menghasilkan maklumat yang lebih lengkap dan terperinci. Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk menyatakan secara khusus kesimpulan tafsiran Tafsir Al- Misbah berkaitan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan penjagaan alam sekitar seterusnya menghuraikannya secara terperinci.

## **4. Perbincangan Dapatan Kajian**

#### **4.1. Perbandingan pandangan pakar-pakar berdasarkan tafsir al-misbah**

Berdasarkan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh para pakar, terdapat beberapa rumusan yang boleh dipertimbangkan untuk membawa perubahan yang positif terhadap alam sekitar di Malaysia. Selain itu, pandangan-pandangan ini juga dapat dikenalpasti beberapa punca kewujudan isu-isu alam sekitar di Malaysia.

Menurut beberapa pandangan responden yang telah ditemui bual, antara elemen yang perlu dititikberatkan dalam membawa perubahan positif kepada isu-isu alam sekitar di Malaysia ialah berkenaan kesedaran awam. Antaranya ialah pandangan pensyarah kanan di Universiti Tun Hussein Onn iaitu Dr. Mikdar bin Rusdi. Beliau menyatakan bahawa antara langkah yang boleh diambil untuk mendidik kesedaran pesalah-pesalah alam sekitar ini ialah mereka perlu melakukan kajian-kajian alam sekitar. Langkah ini boleh dijadikan hukuman dan juga sebagai usaha untuk mendidik kesedaran golongan ini. Pegawai penyelidikan lapangan SAM, Shamsulery Bin Samsudin juga mengaitkan elemen ini melalui langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak SAM untuk mewujudkan perasaan bersalah orang awam terhadap isu-isu alam sekitar yang timbul di Malaysia seterusnya mewujudkan kesedaran awam terhadap isu ini. Berbeza pula dengan pandangan yang dilontarkan oleh pengarah penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar, Encik Ismail berpendapat antara yang perlu diberi penekanan dalam usaha untuk mengatasi isu-isu alam sekitar ini ialah elemen kesedaran awam haruslah berterusan. Menurutnya elemen ini sebenarnya mampu untuk menghasilkan sokongan dan memudahkan laluan untuk pihak JAS dan agensi-agensi yang terlibat melaksanakan tugas dengan lebih berkesan dan sistematik.

Manakala Encik Rosliezan bin Md Hussain selaku pengurus Kilang Sawit Embara Budi berpendapat, tidak wujud kesedaran daripada pihak pemain industri atau komuniti yang terlibat secara langsung dengan kilang-kilang ini antaranya membawa kepada wujudnya isu-isu alam sekitar di Malaysia. Seterusnya, elemen kesedaran awam ini turut disentuh oleh ahli parlimen Tasek Gelugor iaitu Datuk Shabudin Bin Yahaya. Menurutnya masyarakat Malaysia secara asasnya boleh disedarkan ke arah lebih positif ketika mengupas elemen ini. Beliau telah membandingkan contoh kehidupan masyarakat Malaysia pada tahun 70 an dan awal tahun 80 an dengan kehidupan masyarakat Malaysia pada masa kini. Beliau berpandangan bahawa terdapat perubahan positif antara masyarakat dahulu dengan masyarakat kini terhadap penjagaan persekitaran. Pandangan-pandangan yang dilontarkan di atas membuktikan kesedaran awam merupakan salah satu elemen penting dalam memberi kesan positif untuk melestarikan alam sekitar di negara ini.

Berdasarkan kepada huraiyan tafsir al-Misbah, M. Quraish Shihab telah membincangkan istilah *muhsinin* ( Q:L Q). Istilah ini merupakan kata jama' daripada *muhsin* ( L Q). Sifat *muhsinin* ini merupakan salah satu sifat yang menggambarkan kemuncak kebaikan dapat dicapai oleh seseorang muslim itu. Dengan erti kata lain, sifat ini mampu membentuk jiwa seseorang itu ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara dengan melihat natijah atau manfaatnya kepada orang lain tanpa memikirkan kepentingan sendiri. Segala yang dilakukannya tidak mengharapkan ganjaran. Berbeza dengan seseorang yang tidak mempunyai sifat ikhlas, dia selalunya akan mementingkan diri sendiri tanpa mengambil kira hak-hak orang lain (Quraish Shihab, 2009). Sifat *muhsinin* ini wajib wujud dalam diri manusia untuk mewujudkan kesedaran agar melaksanakan tugas sebagai hamba Allah SWT khususnya ketika menjaga alam sekitar ini. Ini kerana seseorang yang mempunyai sifat ini akan berfikir bahawa segala yang dilakukannya akan memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling

Selain daripada elemen kesedaran awam yang menarik minat beberapa pandangan

responden, elemen penyelarasan undang-undang juga turut ditimbulkan oleh dua orang responden dalam memperincikan langkah-langkah yang sepatutnya diguna pakai untuk mengatasi isu-isu alam sekitar di Malaysia ini. Encik Ismail bin Ithnin dan Datuk Shabudin bin Yahaya berpendapat perlu wujud hubungan antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam usaha membasmi isu-isu alam sekitar ini. Hubungan ini ialah perlunya wujud akta yang disatukan atau digabungkan antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam usaha untuk membawa perubahan yang positif kepada alam sekitar di Malaysia. Ini kerana akta atau undang-undang yang sedia ada mempunyai bidang kuasa yang terhad sama ada dari pihak kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri dalam menjalankan tugas masing-masing.

Seterusnya, elemen penguatkuasaan undang-undang antara yang disentuh oleh beberapa responden dalam menghuraikan isu-isu alam sekitar yang terjadi di negara ini. Antaranya ialah pensyarah kanan di Universiti Tun Hussein Onn iaitu Dr. Mikdar bin Rusdi. Beliau berpendapat penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas perlu dikenakan kepada pesalah-pesalah yang melakukan kerosakan kepada alam sekitar ini. Beliau juga menambah pesalah-pesalah Muslim harus dikenakan hukuman berlandaskan undang-undang Islam. Menurut Encik Rosliezan Md Hussain ketika menyentuh berkenaan penguatkuasaan undang- undang, beliau berpendapat kurangnya penguatkuasaan pada masa kini menjadi salah satu punca timbulnya isu-isu alam sekitar di Malaysia. Beliau juga berpendapat Akta Sekeliling 1974 perlu ditambah baik dengan mengambil kira keadaan semasa dan akta ini perlu dikuatkuasakan dengan lebih tegas agar dapat mendidik industri. Elemen penguatkuasaan undang-undang juga turut disentuh oleh Datuk Shabudin Bin Yahaya yang turut menyatakan kekurangan penguatkuasaan undang-undang di negara ini menjadi salah satu punca timbulnya isu-isu alam sekitar. Beliau turut memberi contoh negara jiran iaitu Singapura yang boleh dijadikan contoh penguatkuasaan yang tegas dalam menjaga alam sekitar. Oleh itu secara dasarnya penguatkuasaan undang-undang merupakan elemen yang penting dalam mewujudkan keharmonian alam sekitar di Malaysia. Pandangan ini secara tidak langsung jelas bersesuaian dengan surah al-Syuara ayat183 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu mengurangi hak-hak orang ramai, dan janganlah kamu bermaharajalela **melakukan kerosakan** di bumi.”

Perbincangan dalam tafsir al-Misbah merujuk ayat ini kepada salah laku mengurangi hak-hak sesama manusia dalam sesuatu urusan. Seterusnya, ayat di atas juga melarang sama sekali bentuk-bentuk kerosakan. Larangan ini juga merangkumi terhadap diri sendiri, masyarakat dan alam persekitaran seperti pembunuhan, rompakan dan pelanggaran hak asasi manusia (M. Quraish Shihab, 2009). Jika dilihat dari sudut penjagaan alam sekitar, amat penting untuk wujudnya penguatkuasaan undang-undang yang ketat agar seseorang itu menggunakan sumber alam sekitar dengan adil dan terkawal agar tidak melampaui batas sehingga membawa kemudarat dan kebinasaan.

Terdapat juga beberapa pandangan dari sudut perspektif Islam yang dikemukakan oleh para responden dalam membincangkan isu alam sekitar di negara ini. Ini termasuklah pandangan yang dilontarkan oleh Mufti Negeri Pulau Pinang iaitu Dato' Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor. Beliau berpandangan alam ini merupakan pinjaman oleh Allah SWT kepada para hambanya dalam keadaan yang seimbang dan perlu dijaga keseimbangannya. Beliau mengaitkan dengan ayat 7 daripada Surah al-Rahman ketika membincangkan berkenaan keseimbangan alam. Berdasarkan al-Quran, manusia sebagai hamba Allah dan penguasa di bumi perlu diberikan perhatian yang khusus dalam melaksanakan tanggungjawab di muka bumi ini. Ketika mengaitkan dengan manusia, Dr. Wan Salim

menyatakan antara perkara yang diberi keutamaan ialah sifat dalaman seseorang manusia itu. Sekiranya dalaman seseorang itu bersih maka setiap kelakuan yang diaplikasikan sentiasa dalam keadaan baik. Menurutnya lagi, agama Islam telah mendahului usaha dalam membawa persekitaran yang baik kepada manusia. Ini termasuklah dalam aspek keselamatan, kesihatan dan sebagainya.

Selain itu, Dr. Mikdar membincangkan punca berlaku isu-isu alam sekitar di Malaysia disebabkan tidak wujud hubungan antara pelaku-pelaku alam sekitar dengan perkara-perkara yang disarankan oleh agama. Ini disebabkan oleh para pelaku itu tidak mendalami ajaran agama dan ini menjelaskan kesedaran seseorang itu melakukan perkara-perkara berlandaskan agama khususnya terhadap alam sekitar. Selain itu, beliau juga berpendapat bahawa ilmuwan Islam mempunyai keterbatasan ilmu dan ini menyebabkan ilmu berkenaan alam sekitar dari perspektif Islam berada dalam skop yang kecil. Beliau juga menyarankan perlunnya diwujudkan interaksi antara para ulama dengan masyarakat awam dari sudut perbincangan dan penerangan berkenaan alam sekitar. Seterusnya, Encik Ismail bin Ithnin pula menyatakan sepatutnya kesedaran yang perlu diwujudkan haruslah berdasarkan apa yang dikaitkan oleh al-Quran. Beliau berpendapat seseorang itu harus menghayati al-Quran itu untuk memupuk kesedaran dalam dirinya. Manakala Datuk Shabudin juga memetik ayat 41 dari Surah al-Rum yang menyatakan kerosakan yang berlaku pada alam ini disebabkan oleh perbuatan manusia itu sendiri. Beliau juga menegaskan alam ini merupakan kurniaan daripada Allah SWT dan manusia tidak patut merosakkannya. Sekiranya diamati pandangan beberapa responden ini daripada perspektif Islam, ia jelas membuktikan bahawa al-Quran mempunyai peranan yang besar dan sumber yang mutlak dalam membimbing manusia untuk menjaga kelestarian dan keharmonian alam ini daripada berlakunya kebinasaan dan kerosakan. Antaranya adalah surah al-A'raf 7:56 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu berbuat **kerosakan di bumi** sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadanya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.”

Perbincangan dalam tafsir al-Misbah menghuraikan bahawa Allah melarang perbuatan-perbuatan yang melampaui batas ke atas alam ini. Beliau merujuk kepada perbuatan yang merosakkan alam ini adalah sebagai suatu yang melampaui batas. Namun begitu, dalam mencegah kerosakan alam ini, seseorang itu perlulah mencontohi rasul yang telah diutuskan oleh Allah SWT. Perbuatan yang mencontohi akhlak Rasulullah mampu untuk melahirkan sifat ihsan dalam diri manusia. Melalui sifat ihsan itulah mampu untuk menjauahkan sifat tamak dari diri seseorang (Quraish Shihab, 2009). Begitu juga dalam konteks penjagaan alam sekitar, jika seseorang itu mempunyai sifat ihsan ini, maka dia tidak akan memonopoli sumber alam ini dan mampu berkongsi dengan orang lain seterusnya memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling.

## 5. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pandangan-pandangan dikemukakan oleh enam pakar adalah selari pentafsiran ayat al-Quran dalam tafsir al-Misbah. Sekiranya diamati dan dikaji secara mendalam, isu-isu alam sekitar yang wujud di negara ini adalah berpuncak daripada sifat-sifat negatif rakyat negara ini disamping

kurangnya penguatkuasaan undang-undang. Sifat-sifat negatif yang wujud ini termasuklah kurangnya kesedaran masyarakat untuk menjaga alam sekitar, wujudnya masyarakat yang hanya berpaksikan kepada keuntungan semata-mata dalam memerah sumber alam tanpa mengambilkira kesan yang bakal terjadi kepada alam sekitar dikemudian hari. Selain itu wujudnya sifat degil serta bongkak pesalah yang mengulangi kegiatan merosakkan alam walaupun telah dikenakan tindakan. Ini ditambah pula dengan kurangnya penguatkuasaan undang-undang disamping tidak wujud akta yang menyatukan undang-undang antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Namun punca utama segala kerosakan di muka bumi adalah disebabkan tindakan dari manusia itu sendiri. Benarlah firman Allah dalam Surah *al-Rum* ayat 41.

Namun begitu, menurut Seyyed Hossein Nasr, alam sekitar ini terbuka untuk menerima sebarang perubahan yang dilakukan oleh manusia. Potensi yang dikurniakan oleh Allah kepada manusia ini bukanlah tiket untuk manusia bertindak sewenang-wenangnya, sebaliknya merupakan kelengkapan untuk mereka memikul tanggungjawab dalam kehidupan (Mohd Zuhdi Marsuki et al., 2002).

### Rujukan

- Abu Bakar Yang (2005). *Pendidikan Alam Sekitar di Malaysia dari Perspektif Islam*. Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Islam Hadhari: Kefahaman Mengenai Pemuliharaan Alam Sekitar. Ibn Manzur (t.t). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Darul Dar.
- Ishak Jaino (2010). *Pemanasan Global*. Diakses daripada <http://dspace.unimap.edu.my/dspace/bitstream/123456789/7862/1/Pemanasan%20global.pdf>.
- John McLeod (1997). *Melaksanakan Penyelidikan Kaunseling* (terj. Issham Ismail & Wan Mahzom Ahmad Syah). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mawil Izzi Dien (2000). *The Environmental Dimensions Of Islam*. Cambridge: The Lutterworth Press.
- Miranda Steel (2004). *New Oxford Dictionary* (terj. Zubaidah Abdul Rahman). Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Khairi Zainuddin & Mohd Nazri Zainuddin & Mohd Fuad Isa (2007). *Kamus al-Miftah*. Seremban: Al-Azhar Media.
- Mohd Zuhdi Marzuki & Amer Saifude Ghazali (2002). *Etika Alam Sekitar: Daripada Perspektif Islam, Timur dan Barat*. Bentong : PTS Publications.
- Muhammad Quraish Shihab (1996). *Wawasan al-Quran:Tafsir Maudu'i Atas Pelbagai Persoalan Umat*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Noor Shakirah Mat Akhir (2004). Rohani Manusia dan Alam Sekitar dari Perspektif Islam. *Jurnal IKIM*,12(2).
- Noor Shakirah Mat Akhir (2007). Pembinaan Rangka Konsep Pemuliharaan Alam Sekitar Dari Perspektif Abu Hamid al-Ghazali, *Geran penyelidikan FRGS*.
- Noor Shakirah Mat Akhir, & Muhammad Azizan Sabjan (2011). The Elements of Environments: An Analysis From The Spiritual Perspectives. *Malaysian Journal of Environmental Managements*, 12, h. 39-45.
- Nor Aishah Abdullah (2007), *Islamic Views Towards Contemporary Approach on Environmental Issues*. Disertasi Sarjana, Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya.
- Noraini Mohd Salleh (2001). *Etika dan Penyelidikan Kualitatif*, Marohaini Yusoff (edit.), *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Norhibah Hasan Zawawi (1999). *Konsep Islam Terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar*.
- Jabatan Perdana Menteri: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- M. Quraish Shihab (2009). *Tafsir al-Misbah*, Vol 3, 4, 5 & 9. Jakarta: Lentera Hati. Sabitha Marican (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Prentice Hall.
- Shaharom Tm Sulaiman (1997). *Islam dalam Pelbagai Perspektif: Refleksi Pustakawan Tentang Islam*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Sheikh Abdullah Basmeih (t.t). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an (30 Juz)*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Temu bual dengan Dato' Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor di pejabat Mufti Negeri Pulau Pinang pada 5 November 2014.
- Temu bual dengan Datuk Shabudin bin Yahaya di pejabat Ahli Parlimen Tasek Gelugor pada 12 Disember 2014.
- Temu bual dengan Dr. Mikdar bin Rusdi, pensyarah kanan di pejabat Fakulti Sains Teknologi Dan Pembangunan Insan pada 15 Oktober 2014.

*Isu-isu Alam Sekitar di Malaysia Menurut Pandangan Pakar: Satu Analisis Perbandingan  
Berdasarkan Tafsir al Misbah*

- Temu bual dengan Encik Ismail bin Ithnin, Pengarah Penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar di pejabat Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar pada 30 Oktober 2014.
- Temu bual dengan Encik Rosliezan bin Md Hussain, Pengurus Kilang Sawit Embara Budi di Taman Bertam Putra, Kepala Batas pada 4 Disember 2014.
- Temu bual dengan Encik Shamsulery bin Samsudin, pegawai penyelidik lapangan SAM di Pejabat Sahabat Alam Sekitar (SAM) pada 16 Oktober 2014.
- Yunus Ibrahim Ahmad Muzid (2009). *Al-Bi'ah Fi al-Islam*. (t.t.t): Darul al-Hamid.
- Zahari Mahad Musa (2008). *Fiqh Al-Biah: Prinsip Pembangunan Komuniti dengan Alam Persekutaran yang Lestari*. Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Kebangsaan Fiqh dan Pemikiran Islam Lestari.
- Zaini Ujang, Seyyeh Hossein Nasr & Ziauddin Sardar (1993). *Islam dan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.